

SULIT
2280/1
Geog
Kertas 1
Sept
2011
1 $\frac{1}{4}$ Jam

Nama :

Tingkatan :



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH - SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
CAWANGAN KELANTAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TINGKATAN LIMA
2011**

**GEOGRAFI
KERTAS 1
Masa : Satu Jam Lima Belas Minit**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan

- 1. Kertas soalan ini mengandungi empat puluh soalan***
- 2. Jawab semua soalan***

1 Berikut adalah ciri lapisan atmosfera.

- Lapisan ini mempunyai aurora
- Dapat memantul gelombang radio
- Terdapat gas oksigen dan nitrogen

Apakah lapisan tersebut?

- A Eksosfera
- B Mesosfera
- C Stratosfera
- D Termosfera


2 Apakah lapisan yang memisahkan mantel dengan teras bumi?

- A Astenosfera
- B Barisfera
- C Ketakselanjaran Mohorovicic
- D Ketakselanjaran Guttenberg

3 Pernyataan manakah menerangkan pembentukan batuan Igneus.

- A Terbentuk daripada proses mampatan dan pepadatan batuan
- B Terbentuk daripada proses pemendapan dan penyimanan batuan
- C Terbentuk daripada proses penyejukan dan pemejalan magma
- D Terbentuk daripada proses tekanan dan suhu yang tinggi

4 Rajah di bawah menunjukkan pembentukan batuan.



Kombinasi manakah benar tentang rajah di atas.

	Batuan Igneus	Batuan Metamorfosis
A	Batu Pasir	Kuarzit
B	Batu Kapur	Marmar
C	Batu Granit	Gneis
D	Syal	Syal

5 Kombinasi manakah benar tentang kepentingan batuan enapan

	Batuan Enapan	Kepentingan
I	Pasir	Membuat kaca
II	Marmar	Hiasan dinding
III	Granit	Membina bangunan
IV	Arang batu	Membuat besi dan keluli

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

6 Apakah proses pergerakan yang dapat dikaitkan dengan maklumat di bawah.

- Jurang lautan
- Gunung berapi

- A Pertembungan plat lautan dan plat lautan
- B Pertembungan plat benua dan plat benua
- C Pencapahan plat lautan dan plat lautan
- D Pencapahan plat plat benua dan plat benua

7 Pernyataan manakah yang menerangkan tentang lava bes?

- A Sangat pekat dan mengalir perlahan
- B Lavanya lambat membeku
- C Kandungan silika tinggi
- D Takat lebur tinggi

8 Maklumat berikut adalah pembentukan bentuk muka bumi jalar luar.

- Letusan berterusan
- Kawah yang besar
- Tasik Danau Toba, Sumatera

Apakah bentuk muka bumi yang dihasilkan ?


- A Krater
- B Kaldera
- C Kon Komposit
- D Penara Basalt

9

Berikut adalah bentuk mukabumi hasil tindakan luluhawa.

- Dolin
- Lubang langgah
- Sungai terbit semula

Di manakah terdapatnya pandang darat karst tersebut dalam peta di bawah?



MALAYSIA

10

Maklumat berikut merujuk kepada jenis pergerakan jisim.

- Pergerakan pantas
- Berlaku di cerun curam
- Air melicinkan satah gelinciran

- A Aliran lumpur
- B Kesotan tanah
- C Gelangsaan tanah
- D Gelongsoran tanah


11

Apakah bentuk muka bumi yang terhasil dari proses hakisan sungai?

- A Dataran banjir
- B Likuan sungai
- C Tetambak
- D Tasik ladam

12

Rajah di bawah menunjukkan bentuk muka bumi dasar laut.



Apakah X?

- A Cerun benua
- B Jurang benua
- C Permatang Tengah Lautan
- D Arka pulau

13

Kombinasi manakah sesuai untuk pertumbuhan terumbu karang?

	Suhu Air	Kedalaman Air	Keadaan Air
A	20 °C	50 Meter	Jernih
B	25 °C	50 Meter	Jernih
C	20 °C	60 Meter	Jernih
D	25 °C	60 Meter	Jernih

14

Jadual di bawah menunjukkan suhu bulanan di stesen P.


Bulan	J	F	M	A	M	J	J	O	S	O	N	D
Suhu (C)	26	27	28	29	30	31	29	28	27	27	27	27

Berapakah min suhu tahunan di Stesen P?

- A 26 °C
- B 28 °C
- C 30 °C
- D 31 °C

2280/1


15 Berdasarkan rajah di bawah, waktu tempatan di Y ialah



Rajah 2

- A 6.00 pagi
- B 9.00 pagi
- C 3.00 petang
- D 6.00 petang

16 Rajah di bawah menunjukkan pergerakan bumi.




Berdasarkan rajah di atas, fenomena apakah yang akan terjadi?

- I Hemisfera Selatan mengalami musim panas
- II Hemisfera Utara mengalami musim panas
- III Kutub Utara mengalami 24 jam siang
- IV Kutub Selatan mengalami 24 jam siang

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Rajah di bawah menunjukkan Mawar Angin.




Antara berikut, yang manakah menerangkan rajah tersebut?

- I Hari tenang berlaku pada 2 haribulan
- II Angin lazim bertiup dari arah barat
- III Angin bertiup dari arah Tenggara ialah 2 hari
- IV Menunjukkan maklumat bagi bulan Februari

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

18 Berikut adalah maklumat tentang ciri tumbuhan semulajadi di kawasan tersebut.

- Malar hijau
- Mempunyai batang yang lurus
- Daun berbentuk jarum



DUNIA

Berdasarkan peta di atas, di manakah lokasi taburan tumbuhan tersebut?

- A I
- B II
- C III
- D IV

19

Apakah jenis tumbuhan semulajadi yang dapat dikaitkan dengan maklumat berikut?

- Berdirian tulen
- Hutan buluh
- Pokok Jati

- A Hutan Konifer
- B Hutan Hujan Tropika
- C Hutan Monsun Tropika
- D Padang Rumput Sederhana

20

Apakah kesan kegiatan penebangan hutan paya bakau secara berleluasa?

- A Jerebu
- B Tiupan angin kencang
- C Karbon dioksida berkurang
- D Kawasan tadahan musnah

21

Faktor yang mempengaruhi kepadatan penduduk jarang di Malaysia ialah

- A hutan tebal
- B tanah beralun
- C dataran pinggir pantai
- D darjah ketersampaian yang tinggi

Kadar Kelahiran tahun 2005 = 2.90%
Kadar Kematian tahun 2005 = 0.45%

Negara X

22

Berdasarkan jadual di atas, kadar pertumbuhan penduduk semulajadi di Negara X ialah

- A 1.67 %
- B 2.45 %
- C 2.90 %
- D 3.35 %

2280/1

9

SULIT
[Lihat sebelah]
GEOG K1 TING 5 SEPT 2011


23 Faktor yang manakah dapat meningkatkan kadar kelahiran di sesebuah negara?

- I Taraf pendidikan rendah
- II Taraf hidup rendah
- III Perkahwinan lewat
- IV Amalan perancangan keluarga berkesan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

24 Apakah ciri negara yang mengalami kurang penduduk ?

- A Taraf hidup tinggi
- B Jangka hayat rendah
- C Tahap teknologi rendah
- D Kadar buta huruf tinggi




SEMENANJUNG MALAYSIA

25 Faktor manakah yang mempengaruhi migrasi dalam peta di atas?

- I Bencana alam
- II Kemiskinan
- III Faktor governan
- IV Taraf hidup tinggi


- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV



26 Berdasarkan rajah, faktor yang mempengaruhi migrasi di atas ialah


- I peluang pekerjaan terhad di luar bandar B
- II kos hidup rendah di bandar A
- III pertukaran tempat kerja ke luar bandar B
- IV tamat tempoh perkhidmatan di bandar A

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV



27 Berdasarkan piramid di atas, tapak yang sempit menunjukkan


- A kadar kelahiran rendah
- B jangka hayat penduduk rendah
- C bilangan penduduk muda besar
- D tanggungan negara tinggi



28 Apakah sumbangan bandar Z kepada Kampung X dan Y?

- A Peluang pekerjaan
- B Bekalan bahan mentah
- C Kemudahan perlombongan
- D Kemudahan kawasan pertanian

29 Rajah di bawah merujuk kepada hierarki sebuah bandar



Apakah S?

- A Metropolitan
- B Bandar baru
- C Bandar satelit
- D Megalopolis

30 Apakah tujuan pembinaan lebuh raya di Malaysia?

- A Menarik pelabur asing
- B Memendekkan masa perjalanan
- C Meningkatkan kesesakan lalu lintas
- D Mengurangkan mobiliti penduduk

31 Apakah kesan perkembangan sistem komunikasi terhadap pembangunan sosial di Malaysia?

- A Membuka kawasan perindustrian baru
- B Meningkatkan kedatangan pelancong asing
- C Menyebabkan taburan penduduk tidak sekata
- D Meningkatkan penyampaian dan penyebaran maklumat

32 Penggunaan tenaga biojisim di Malaysia masih terhad kerana

- I kos penjanaan tinggi
- II kurang kepakaran
- III kekurangan bahan api fosil
- IV sumber logam masih mencukupi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV



33 Kesan aktiviti di atas terhadap alam sekitar ialah

- I tanah hilang kesuburan
- II suhu setempat rendah
- III ekonomi negara meningkat
- IV rantai makanan terjejas

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

34 Langkah untuk memulihara sumber tanah ialah

- A penanaman berterusan
- B penanaman sejenis
- C pembajaan organik
- D pembinaan saluran


- Mak Mandin, Pulau Pinang
 - Nilai, Negeri Sembilan

35 Lokasi di atas merujuk kepada industri

- A elektronik
- B automatif
- C perkayuan
- D menapis petroleum

36 Kegiatan pelancongan di Switzerland dipengaruhi oleh

- I bentuk muka bumi bergunung ganang
 - II dasar kerajaan yang berkecuali
 - III pantai yang bersih
 - IV taman laut indah
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV



37 Tanaman X ialah

- A Teh
- B Padi
- C Getah
- D Kelapa sawit

38 Apakah faktor yang menggalakkan kegiatan akuakultur di Malaysia?


- I Adanya pelabuhan kontena
- II Terdapatnya pentas sunda
- III Permintaan tempatan yang tinggi
- IV Pekerjaan sampingan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

39 Apakah kepentingan sektor pembinaan terhadap pembangunan negara Malaysia?

- I Pemindahan teknologi
- II Meningkatkan import
- III Kemasukkan migran asing
- IV Menyediakan peluang pekerjaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV



40 Kawasan berlorek dalam rajah di atas merujuk kepada kerjasama dalam sektor

- A pertanian
- B pertahanan
- C pelancongan
- D perdagangan

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT
2280/2
Geog
Sept
Kertas 2
2011
2 Jam

Nama :

Tingkatan :



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH - SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
CAWANGAN KELANTAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TINGKATAN LIMA
2011**

**GEOGRAFI
KERTAS 2
Masa : Dua Jam**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
A	1	
	2	
	3	
	4	
	5	
	6	
	7	
B	8	
	9	
	10	
	11	

Bahagian A

[40 markah]

Jawab semua soalan di bahagian ini

Soalan 1 hingga Soalan 5 berdasarkan peta topo siri 2280/2/PCSPM2011. Kaji peta ini dengan teliti sebelum menjawab soalan berikutnya.

- 1 Nyatakan bearing kuil Hindu (RG 084809) dari titik tanda tinggi 70 (RG 065845)

.....
[2 markah]

- 2 (a) Namakan bukit tertinggi yang terdapat di timur garisan timuran 12.

.....
[2 markah]

- (b) Berikan rujukan grid 6 angka bukit tertinggi itu.

.....
[2 markah]

- 3 Namakan simbol titik yang terdapat di RG 126862.


.....
[2 markah]

- 4 (a) Kirakan luas kawasan padi di bahagian barat laut peta.

.....
[3 markah]

- (b) Kira jarak jalan raya bermula di RG 120780 hingga ke RG 055864.

.....
[3 markah]



5 (a) Nyatakan dua ciri budaya yang terdapat dalam segi empat grid di atas.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Nyatakan fungsi bandar Alor Kanan dalam peta

(i)

(ii)

(iii)

(iv)

[4 markah]



Foto 1

6 (a) Nyatakan **tiga** kesan kejadian berdasarkan foto 1 di atas.

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]


(b) Cadangkan **tiga** langkah untuk mengurangkan kejadian di atas.

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]




Pergerakan Bumi

(c) Pergerakan bumi di atas ialah

.....
[1 markah]

(d) Nyatakan tiga kesan pergerakan bumi di atas

- (i)
 - (ii)
 - (iii)
- [3 markah]



7 (a) Namakan bentuk bumi yang bertanda

- X
- Y
- Z

[3 markah]

(b) Nyatakan empat proses hakisan ombak yang menghasilkan bentuk muka bumi di atas.

(i)

(ii)

(iii)

(iv)

[4 markah]

(c) Nyatakan tiga potensi kawasan di atas kepada penduduk

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]

Bahagian B

[60 markah]


Jawab tiga soalan sahaja.

- 8 (a) Di atas peta No. 1 (Malaysia), namakan pusat pelancongan
- (i) Tanah Tinggi bertanda D
 - (ii) Tasik bertanda E
 - (iii) Pulau bertanda F
 - (iv) Gua bertanda G
 - (v) Taman Negara bertanda H [5 markah]
- (b) Jelaskan faktor yang menggalakkan sektor pelancongan di Malaysia. [5 markah]
- (c) Huraikan kesan aktiviti perhutanan ke atas alam sekitar. [5 markah]
- (d) Mengapakah kegiatan akuakultur semakin penting di Malaysia ? [5 markah]
- 9 (a) Berikan lima ciri penduduk optimum. [5 markah]
- (b) Mengapakah berlakunya migrasi bandar ke bandar ? [5 markah]
- (c) Huraikan faktor yang menyebabkan kepadatan penduduk tinggi di satu-satu kawasan. [5 markah]
- (d) Cadangkan lima langkah untuk mengurangkan aliran migrasi luar bandar ke bandar. [5 markah]

Bulan	J	F	M	A	M	J	J	O	S	O	N	D
Suhu °C	12	14	14	18	20	20	22	16	14	12	10	10

Suhu Tahunan Stesen X

- 10 (a) Dengan menggunakan skala 1 cm mewakili 2 °C, lukiskan sebuah graf garisan untuk menunjukkan taburan suhu stesen X. [8 markah]
- (b) Berikan **enam** faktor yang menyebabkan berlakunya jerebu di Malaysia. [6 markah]
- (c) Nyatakan **enam** usaha untuk mengatasi fenomena kesan rumah hijau. [6 markah]



- 11 (a)(i) Nyatakan **lima** ciri hutan seperti foto di atas. [5 markah]
- (ii) Terangkan usaha-usaha untuk mengatasi kesan penerokaan hutan di atas. [5 markah]
- (b) Berikan **lima** kesan kejadian banjir kepada manusia dan alam sekitar. [5 markah]
- (c) Nyatakan **lima** faktor yang menyebabkan berlakunya tanah runtuh di Malaysia. [5 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT


No. Kad Pengenalan :

Angka Giliran :

GEOGRAFI KERTAS 2

Peta No. 1 untuk Soalan 8

(Hendaklah diikat bersama-sama dengan kertas jawapan lain)



MALAYSIA

D	Tanah Tinggi _____
E	Tasik _____

F	Pulau _____
G	Gua _____

H	Taman Negara _____
---	--------------------

**MPSM KELANTAN
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
SEPTEMBER 2011**

**SKEMA JAWAPAN
GEOGRAFI 1 & 2
TINGKATAN 5**

**SEKIRANYA ADA MASALAH
TENTANG SOALAN
SILA HUBUNGI:**

SOFI'S PRINT & BOOKS DEALER

TEL: 09 – 747 2097

H/P: 014 – 822 1302 (PN WANIE)

H/P: 013 – 912 7418 (EN ZAIDI)

H/P: 019 – 958 0318 (EN SOFIE)

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2011 [MPSM KELANTAN]

GEOGRAFI 2280

JAWAPAN KERTAS 1 (2280/1):

1	D	11	B	21	A	31	D
2	D	12	A	22	B	32	A
3	C	13	B	23	A	33	B
4	C	14	B	24	A	34	C
5	B	15	C	25	C	35	A
6	A	16	C	26	D	36	A
7	B	17	B	27	A	37	A
8	B	18	B	28	A	38	D
9	C	19	C	29	D	39	B
10	D	20	B	30	B	40	D

JAWAPAN KERTAS 2 (2280/2):

Soalan	Jawapan	Markah
1	152°	2
2	(a) Bt Kalong	2
	(b) 151858	2
3	Stesen trigonometri	2
4	(a) 17 – 19 km persegi	3
	(b) 11 – 12 km	3
5	(a) Jalan raya Jalan kereta api Sawah padi // padi Kelapa Getah Petempatan [mana-mana 2]	2
	(b) Pusat pentadbiran Pusat ibadat Pusat keselamatan Mengumpul hasil pertanian Pengangkutan Pendidikan Kesihatan Perhubungan [mana-mana 4]	4

6	(a)	Tanah runtuh Kerosakan harta benda Kehilangan nyawa Tanah berkumpul di kaki bukit [mana-mana 3]	3
	(b)	Tanam pokok / tanaman tutup bumi Benteng Kuat kuasa undang-undang R&D Pendidikan alam sekitar Kempen cintai alam sekitar [mana-mana 3]	3
	(c)	Putaran bumi	1
	(d)	Kejadian siang dan malam Pembiasan angin lazim Kejadian pasang surut air laut Perbezaan waktu [mana-mana 3]	3
7	(a)	X Gerbang laut Y Batu tunggul Z Tunggul sisa // Batu sisa	3
	(b)	Tindakan hidraul Lagan Larutan Kikisan // Lelasan	4
	(c)	Pelancongan // rekreasi Perikanan // aquakultur Pelabuhan Petempatan [mana-mana 3]	3
JUMLAH BAHAGIAN A			40
8	(a)	D Tanah Tinggi Cameron E Tasik Bera F Pulau Langkawi G Gua Niah H Taman Negara Kinabalu	5
	(b)	Politik stabil Penduduk ramah mesra Governan / promosi Jaringan jalan raya Pantai berpasir Gua batu kapur Taman Negara Flora yang unik Tempat bersejarah [mana-mana 5]	5

	(c)	Flora musnah Fauna musnah Habitat fauna musnah Suhu meningkat Hakisan tanah Tanah runtuh Kawasan tadahan terjejas Oksigen berkurangan Karbon dioksida meningkat [mana-mana 5]	5
	(d)	Kerja sampingan Menambah peluang pekerjaan Sumber pendapatan Permintaan ikan meningkat Bekalan tetap Peranan governan Rekreasi perikanan Selamat R&D [mana-mana 5]	5
9	(a)	Kadar kelahiran rendah Kadar kematian rendah Kadar pertumbuhan penduduk rendah Jangka hayat tinggi Taraf hidup tinggi Taraf kesihatan tinggi Taraf pendidikan tinggi Taraf teknologi tinggi [mana-mana 5]	5
	(b)	Perkahwinan Ikut keluarga Arahan majikan Bersara / pencen Peluang pendidikan / Ada IPT Peluang pekerjaan Pendapatan lebih lumayan Pertambahan bilangan bandar [mana-mana 5]	5
	(c)	Tanah pamah Tanah rata Faktor sejarah Banyak peluang pekerjaan Kawasan perindustrian Bandar besar Pusat pentadbiran IPT	5

		<p>Governan Kadar kelahiran tinggi</p> <p style="text-align: right;">[mana-mana 5]</p>													
	(d)	<p>Menambah peluang pekerjaan Bina bandar baru Bina IPT Bina industri Memajukan industri desa Memajukan sektor pertanian Memajukan sektor pelancongan Meningkatkan kemudahan asas Meningkatkan kemudahan awam Meningkatkan jaringan jalan raya</p> <p style="text-align: right;">[mana-mana 5]</p>	5												
10	(a)	<table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 50%;">Tajuk</td> <td style="width: 50%; text-align: right;">1</td> </tr> <tr> <td>Skala</td> <td style="text-align: right;">1</td> </tr> <tr> <td>Paksi X</td> <td style="text-align: right;">1</td> </tr> <tr> <td>Paksi Y</td> <td style="text-align: right;">1</td> </tr> <tr> <td>Plotan</td> <td style="text-align: right;">6</td> </tr> <tr> <td style="border: 1px solid black;">Jumlah</td> <td style="border: 1px solid black; text-align: right;">10</td> </tr> </table> <p style="text-align: right;">[maks. 8]</p>	Tajuk	1	Skala	1	Paksi X	1	Paksi Y	1	Plotan	6	Jumlah	10	8
Tajuk	1														
Skala	1														
Paksi X	1														
Paksi Y	1														
Plotan	6														
Jumlah	10														
	(b)	<p>Asap kereta Asap kilang Pembakaran terbuka Pembakaran hutan Pembakaran bahan api fosil Kurang pokok Banyak demu / ampaian Padat dengan bangunan tinggi</p> <p style="text-align: right;">[mana-mana 6]</p>	6												
	(c)	<p>Kuat kuasa undang-undang R&D Kempen kesedaran alam sekitar Pendidikan alam sekitar Kongsi kereta Alat penapis asap Guna petrol tanpa plumbum Tanam pokok Guna pengangkutan awam</p> <p style="text-align: right;">[mana-mana 6]</p>	6												

11	(a)	(i)	Daun luruh musim kemarau Daun lebar Akar tunjang Tiga lapisan Hutan buluh Spesis pokok sikit Batang besar Kulit tebal Pokok kayu keras Hutan tidak padat Lantai hutan padat <p style="text-align: right;">[mana-mana 5]</p>	5
		(ii)	Kuat kuasa undang-undang R&D Kempen kesedaran alam sekitar Pendidikan alam sekitar Tanam semula Rawatan silvikultur Wartakan hutan simpanan / taman negara Penebangan terpilih Guna sumber alternatif Kitar semula kertas Hadkan pemberian lessen membalak <p style="text-align: right;">[mana-mana 5]</p>	5
	(b)		Nyawa terkorban Harta benda musnah Ganggana lalu lintas Tanah runtuh Hakisan tanah Flora musnah Fauna musnah Penyakit berjangkit Pencemaran persekitaran <p style="text-align: right;">[mana-mana 5]</p>	5
	(c)		Hujan lebat Cerun curam Aktiviti pembalakan / kurang pokok Potong tanah / bina jalan raya Aktiviti perlombongan Pertanian di cerun <p style="text-align: right;">[mana-mana 5]</p>	5

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT